

Reaksi



Saya tidak tahu berapa lama lagi perlu menghadapi banjir kilat ini. Tahun ini saja, sudah tiga kali rumah saya dinaiki air”

**Azizah Abidin,**  
Penduduk



Mujur air tidak masuk sehingga ke bilik atau pun kawasan lobi. Banjir hanya memenuhi ruang parkir hotel sahaja”

**Hisham Che Aman,**  
Pengurus Hotel Seri Malaysia  
Pulau Pinang

[FOTO SHAHNAZ FAZLIE SHAHRIZAL/BH]



**Sistem pamparitan** yang sempit antara punca banjir kilat ketika tinjauan di Jalan Mayang Pasir 2, Bayan Lepas.



# Masalah saluran tahap kritikal

➔ Banyak kawasan di Pulau Pinang bakal hadapi banjir kilat

Oleh **Siti Sofia Md Nasir dan Muhammad Yusri Muzamir**  
bhnews@bh.com.my

Georgetown

**P**ulau Pinang dijangka menghadapi banjir kilat lebih kerap jika masalah saluran tidak diselesaikan segera. Hasil kajian Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Sungai dan Saliran Bandar (REDAC), Universiti Sains Malaysia (USM), mendapati ketika ini Pulau Pinang menghadapi masalah saluran yang kritikal berikutan kepadatan kawasan akibat pembangunan yang tidak terkawal.

Pengarah REDAC, USM, Profesor Dr Nor Azazi Zakaria, berkata kedudukan geografi Pulau Pinang

yang turut bergantung kepada pasang surut air laut, menyebabkan masalah banjir kilat bertambah buruk, terutama ketika hujan lebat.

### Tiada pilihan

“Kapasiti semua sungai di Pulau Pinang adalah bergantung sepenuhnya pada air laut. Jika air pasang besar, sudah tentu banjir akan berlaku. Buktinya, lihat saja ketika tsunami melanda Pulau Pinang pada tahun 2004.

“Justeru, kerajaan negeri tiada pilihan melainkan menyelesaikan masalah ini secara menyeluruh. Secara asasnya, masalah banjir kilat ini berpunca daripada sistem saluran yang tidak sistematik,” katanya kepada BH.

Mengulas mengapa masalah

banjir kilat kerap berulang, katanya, ia disebabkan pembangunan dilaksanakan di Pulau Pinang menggunakan kaedah lama iaitu sebelum era Manual Saliran Mesra Alam Malaysia (MSMA) diaktifkan kerajaan.

“Selepas MSMA dilancarkan pada tahun 2001, ia mengambil masa untuk diterima pihak terbabit dalam projek pembinaan tetapi sejak kebelakangan ini, ia mula dipatuhi apabila keadaan banjir kilat dan pencemaran sungai menjadi semakin teruk,” katanya.

### Bina kolam takungan

Sehubungan itu, katanya, antara kaedah sesuai dilaksanakan bagi menangani masalah banjir kilat adalah dengan membina kolam takungan bagi mengumpul air per-

mukaan dari longkang sebelum dialirkan terus ke sungai.

Katanya, disebabkan Pulau Pinang sudah tidak mempunyai kawasan lapang bagi membina kawasan tadahan air, ia tetap boleh dilaksanakan menerusi sistem takungan menggunakan tangki.

“Jika setiap rumah atau bangunan mempunyai tangki takungan ini dan boleh menampung sekurang-kurangnya satu meter padu air ketika hujan lebat, saya percaya Pulau Pinang tidak akan berhadapan masalah banjir kilat lagi.

“Air yang ditampung itu akan dilepaskan ke sungai selepas hujan reda atau boleh juga digunakan untuk mencuci kereta, sekali gus menjimatkan penggunaan air,” katanya.